

TARIKH : 23 October 2025

AKHBAR : Berita Harian

MUKA SURAT : 2

OPR dijangka tak berubah sehingga tahun depan

OPR dijangka tak berubah sehingga tahun depan

Pengekalan kadar 2.75 peratus beri jaminan ansuran bulanan pinjaman tidak meningkat

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Penanda aras pinjaman dan tabungan, Kadar Dasar Semalaman (OPR), dijangka kekal tidak berubah sehingga tahun 2026.

Kestabilan OPR ini memberi jaminan bahawa ansuran bulanan pinjaman perumahan dan kenderaan tidak akan meningkat, dalam masa yang sama kadar inflasi juga diramal terkawal, sekali gus membantu mengurangkan tekanan terhadap kos sara hidup.

Ahli Ekonomi Kanan Hong Leong Bank (HLB), Choong Yin Pheng, mengunjurkan Bank Negara Malaysia (BNM) akan mengekalkan OPR pada paras semasa 2.75 peratus sepanjang tahun hadapan.

Bercakap di Forum Meja Bulat Belanjawan 2026 anjuran Hong Leong Bank (HLB) di Kuala Lumpur, semalam, beliau turut meramalkan kadar inflasi kekal terkawal, dengan purata sekitar 2.0 peratus pada 2026.

Yin Pheng, yang juga Pengurus Besar Pendapatan Tetap dan Penyelidikan Ekonomi HLB berkata, kestabilan dasar monetari itu disokong oleh unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar yang stabil, iaitu antara 4.0 hingga 4.5 peratus bagi 2026.

Situasi di Malaysia ini beza dengan Amerika Syarikat (AS), di mana Rizab Persekutuan AS (Fed) diunjurkan akan terus menurunkan kadar faedah.

Menurut Yin Pheng, langkah Fed itu akan menyebabkan jurang kadar faedah antara AS dan Malaysia semakin mengecil, sekali gus menjadi faktor utama yang menyokong pengukuhan mata wang tempatan.

Ringgit mengukuh

Kestabilan ekonomi domestik dan dasar monetari yang stabil di Malaysia dijangka terus menarik aliran masuk dana asing, khususnya ke dalam pasaran bon, yang akan menyokong nilai ringgit.

HLB meramalkan ringgit akan mengukuh ke paras 4.20 berbanding dolar AS menjelang akhir tahun ini, sebelum meningkat lebih kukuh ke paras 4.10 menjelang penghujung 2026.

Penguatan ringgit itu bakal memberi kesan positif tambahan kepada poket rakyat, kerana ia berpotensi meningkatkan kuasa beli untuk barangan import dan mengurangkan kos perjalanan ke luar negara.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif HLB, Kevin Lam, dalam ucaptamanya memuji komitmen kerajaan terhadap pengurusan fiskal berhemah dan pembaharuan berorientasikan pertumbuhan dalam Belanjawan 2026.

Dari kiri, Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Islamic Bank Berhad, Dafinah Ahmed Hilmi; Rakan Percukaian PWC, Ang Wei Liang; Yin Pheng; Presiden Kebangsaan SAMENTA, Datuk William Ng dan Pensyarah Adjung Universiti Taylor's, Profesor Dr Ong Kian Ming pada Forum Meja Bulat Belanjawan 2026 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aziah Azmeeaziah Azmee/BH)